

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 NOVEMBER 2016

Sikap pembangkang, Tun M sama macam Trump

BH - 9/11/2016

Kuala Lumpur: Tindakan pembangkang dan Tun Dr Mahathir Mohamad mengkritik Yang Di-pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia sebagai berat sebelah, tidak ubah seperti sikap calon Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Sha-

bery Cheek, berkata ia berikutan mereka hanya menyokong Pandikar Amin jika keputusannya menyebelahi pembangkang dan menuduhnya berat sebelah jika sebaliknya berlaku.

"Trump hanya mengiktiraf keputusan pilihan raya AS jika dia menang dan jika kalah, dia akan menganggap ia keputusan dirancang.

"Pemikiran ini sama dengan pembangkang dan saya tidak mahu Dr Mahathir sama dengan Trump dalam isu ini," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang sedih kerana Ahli Parlimen semalam disekat oleh Pandikar Amin untuk berbahas

mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat dan dana RM2.6 bilion.

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, tindakan Dr Mahathir datang ke Parlimen semalam untuk menghadiri Mesyuarat Hak dan Kekebalan Ahli Parlimen, ibarat ada udang di sebalik batu.

"Sepatutnya ketika di tampuk pemerintahan, dia ambil kesempatan mengubah jika Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang terikat kepada ahli Parlimen tidak baik, sebaliknya beliau kuat mengukuhkan OSA hingga mendapat protes wartawan apabila mereka boleh dipenjarakan jika menerbitkan kenyataan tertentu," katanya.